

PM umum RM1.5 juta kepada Majlis Belia Malaysia
Astro Awani
16 Mei 2014

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan intensif RM1.5 juta kepada Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi kegunaan dalam melaksanakan perancangan inisiatif melibatkan penubuhan sekretariat Komuniti ASEAN di kalangan belia ASEAN oleh MBM.

Jelas Najib, MBM akan memainkan peranan penting yang lebih aktif dalam kalangan NGO untuk merapatkan hubungan sesama generasi belia.

"Dalam hal ini bagi kerja kerja awal perancangam inisiatif yang melibatkan penubuhan sekretariat Komuniti ASEAN di kalangan belia ASEAN oleh MBM amat saya alu alukan. Maka kerajaan bersetuju meluluskan intensif 1.5 juta ringgit kepada Majlis Belia Malaysia," katanya.

Justeru Perdana Menteri menyeru semua generasi belia mengorak langkah ke hadapan, bukan sahaja dalam negara malah di rantau ASEAN.

"Saya harap aktiviti ini dapat sambutan yang meluas, saya fikir tak susah nak pujuk belia melibatkan dalam aktiviti seperti ini," tambahnya lagi.

Najib berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Belia Negara 2014 di Putrajaya.

Dalam pada itu, beliau turut menggariskan enam kriteria bagi mempersiapkan generasi muda pada masa depan.

"Belia adalah tonggak kekuatan sebuah negara. Jika kita ingin melihat masa depan negara itu, lihatlah kepada golongan belianya,"

"Oleh itu, generasi belia di Mlaysia perlu dipersiapkan dengan kriteria asa yang berteraskan kepada '6K' iaitu: Keilmuan dan kemahiran, Keusahawanan, Kesederhanaan atau wasatiyyah, Kesukarelaan, Kecintaan kepada negara dan Kerohanian," jelas Najib.

Dalam pada itu, mengulas lanjut, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin menyifatkan konsep '6K' yang digariskan Perdana Menteri itu sebagai satu wawasan jelas ciri yang perlu ada pada setiap belia untuk kemajuan negara.

"Perdana Menteri beri satu penekanan yang cukup besar pada peranan pembagunann belia.

"Dan dengan peruntukan kepada MBM itu, kita perlu mainkan peranan supaya kita dapat promosikan Malaysia pada peringkat ASEAN sempena sidang kemuncak ASEAN tahun depan," katanya.

Festival Belia Putrajaya 2014 akan diadakan pada 23 hingga 25 Mei ini bertempat di Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya bermula 10 pagi hingga 10 malam.

Bertemakan " Dari Belia Untuk Belia", festival dengan lebih 60 aktiviti ini akan menyaksikan belia Malaysia dari segenap latar belakang menonjolkan minat dan kreativiti masing-masing dan bersatu dalam sambutan khusus untuk orang muda.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/pm-umum-rm1-5-juta-kepada-majlis-belia-malaysia-35896>